

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OII CHUAN AUN [JELUTUNG]

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

TUAN JEFF OII CHUAN AUN [JELUTUNG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai dan membandingkan skim pampasan termasuk elaun bulanan bagi Ahli-ahli Parlimen di rantau ASEAN memandangkan mengikut giliran Malaysia akan menerajui ASEAN tidak lama lagi.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Elaun-elaun yang dinikmati oleh Ahli Parlimen di negara ini adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab mereka serta berdasarkan kos sara hidup pada masa tersebut dan kemampuan kewangan Kerajaan pada masa ini. Dalam hal ini, memang tidak dinafikan elaun-elaun tersebut ketika ini adalah rendah dibandingkan dengan negara-negara Asean dan berdasarkan kepada pertimbangan tersebut maka YAB Perdana Menteri dalam Bajet 2012 telah mencadangkan supaya elaun-elaun tersebut dikaji semula.

Pada masa ini, Elaun Tetap Bulanan sebagai Ahli Parlimen yang diperuntukkan mengikut seksyen 3(i) Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 adalah sebanyak RM4,112.79 (Ahli Dewan Negara) dan RM6,508.59 (Ahli Dewan Rakyat). Seorang Ahli Parlimen adalah berhak mendapat apa-apa pencen, ganjaran, faedah kemalangan dan lain-lain faedah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua Akta berkenaan.

Sekian. Terima kasih.